

Pas Terengganu Kemuka Petisyen PRU13 Bagi DUN Hulu Besut Dan Kuala Berang Bernama
10 June, 2013

KUALA TERENGGANU, 10 Jun (Bernama) -- PAS Terengganu akan menfailkan dua petisyen Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Besut dan DUN Kuala Berang, kata Setiausaha Badan Perhubungan PAS Terengganu Yahaya Ali.

Bercakap kepada pemberita di sini Isnin, beliau berkata petisyen itu difailkan semalam.

"Kedua-dua petisyen itu kita kemukakan atas alasan utama iaitu isu rasuah pada PRU-13 manakala ada setengah-setengah kes yang kita masukkan sebagai sokongan kepada kedua-dua kes yang saya kemukakan tadi. Isu rasuah merupakan asas kepada apa yang saya maklumkan," katanya.

Yahaya berkata, petisyen itu dibuat hasil kajian PAS mengenai masalah rasuah yang berlaku semasa PRU-13.

Katanya, PAS telah memberi tanggungjawab kepada setiap kawasan PRU nya untuk bertemu jentera parti di setiap DUN untuk mendapatkan sebanyak mungkin bukti sebagai asas kepada perkara itu dan diharap ia boleh mencapai kemenangan di dalam kedua-dua kes berkenaan.

"Walaupun kita kemukakan dua petiyen saja melibatkan isu utama iaitu rasuah, sekurang-kurangnya kita boleh mendedahkan salah laku pada PRU-13 itu," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=955062>